

MENGAPAKAH BAHASA MATI?

David Crystal
Diterjemahkan oleh
Azizah Md.Hussin

Abstrak

Bahasa mati apabila penuturnya mati akibat bencana alam, kebuluran, penyakit, peperangan, dan sebagainya. Namun, sesuatu bahasa juga mati kerana misalnya keghairahan semasa tentang penggunaan bahasa Inggeris secara global, asimilasi global dan penjajahan budaya. Walau apa pun faktor fizikal dan psikologikal yang menyumbang ke arah kepupusan sesuatu bahasa, tetapi sikap masyarakat penutur terhadap bahasa mereka sendiri itulah faktor kematian bahasa. Justeru, bagi mempertahankan sesuatu bahasa, kalangan penuturnya haruslah bersikap positif terhadap bahasa sendiri dengan melenyapkan istilah pendominasian bahasa. Dengan kata lain tidak ada bahasa yang mendominasi bahasa lain, hanya penuturnya yang beranggapan demikian.

Abstract

A language dies if all the people who speak it are dead due to the effect of natural disasters, famine, infectious diseases, wars, etc. Nevertheless, language death can also be due to the current preoccupation with global English, global assimilation, and cultural colonisations. In any case, it is the attitude of the speakers that determine the survival of a language. Therefore it is vital for the speakers to maintain the positive attitude towards their own language by eliminating the concept of language dominance. In other words, no language dominates the other, such dominance only exists in the mind of its speakers.

PENDAHULUAN

Jika masyarakat prihatin terhadap bahasa yang kian pupus, mereka semestinya mahu sesuatu tindakan diambil. Tetapi sebelum kita dapat memutuskan

apa yang boleh dan apa yang harus kita lakukan, terlebih dahulu kita perlulah memahami apakah punca kepupusannya. Oleh itu, mengapakah bahasa mati, dan mengapakah besar bilangannya? Dan adakah kadar kematian bahasa itu meningkat?

Pada hakikatnya, bahasa memang mati. Apabila sesuatu budaya bangkit dan jatuh, maka bahasanya pun muncul dan hilang. Kita dapat memahaminya apabila menjejaki kewujudan bahasa bertulis, dan kerana kita mempunyai rekod (dalam pelbagai bentuk – inskripsi, batu bersurat, dokumen) yang banyak tentang bahasa yang telah pupus dari zaman klasik – Bithynian, Cilician, Pisidian, Phrygian, Paphlagonian, Etruscan, Sumeria, Elamite, Hittite.... Kita tahu bahawa terdapat lebih kurang 75 bahasa mati yang pernah dituturkan di Eropah dan Asia Kecil.¹ Tetapi bahasa yang telah mati yang rekod sejarahnya ada pada kita di rantau ini mungkin hanya sebahagian sahaja daripada bahasa yang kita tidak mempunyai apa-apa rekod. Dan apabila kita meluaskan liputan kita ke seluruh dunia, di tempat tiadanya rekod bertulis tentang bahasa purba itu, maka mudah untuk kita melihat bahawa tidak boleh dibuat anggaran yang munasabah tentang kadar kematian bahasa pada masa dahulu. Kita sudah tentunya dapat meneka jumlah penduduk dan saiz komuniti pada era terdahulu. Oleh itu (dengan andaian bahawa setiap komuniti mempunyai bahasa masing-masing) dapatlah dianggarkan jumlah bahasa yang pernah wujud. Berdasarkan hakikat ini, Michael Krauss mengagak bahawa 10 000 tahun dahulu, dengan anggaran penduduk dunia berjumlah 5–10 juta orang dan saiz purata sesuatu komuniti ialah 500–1000 orang, sudah tentu terdapat antara 5000 hingga 20 000 bahasa.² Krauss memilih 12 000 sebagai anggaran purata bagi bilangan maksimum bahasa di dunia pada satu-satu masa. Kini terdapat lebih kurang 6000 bahasa. Tetapi tiada siapa yang tahu berapa banyak bahasa yang telah wujud dan lenyap dalam tempoh itu, dan berapakah pula jumlah bahasa baru yang perlu ada untuk mengimbangi kehilangan lebih kurang 6000 bahasa itu. Walaupun tajuk ini sering dibincangkan, namun kita masih belum mengetahui sama ada kadar perubahan bahasa itu sentiasa tetap dalam jangka masa yang lama ini, atau adakah kadar perubahan itu diselang-seli oleh tempoh perubahan yang pesat dan tempoh kemerosotan.³

Tidak banyak terdapat rekod sejarah tentang penggunaan bahasa dunia, selain yang dikumpulkan dalam tempoh peluasan kolonial Eropah, yang pada umumnya sedikit, tidak tekal, dan berdasarkan tanggapan. Bahan yang agak lebih sistematik mula terkumpul dengan adanya perkembangan filologi perbandingan dan wujudnya data banci penduduk pada abad yang ke-19, serta meningkatnya bidang antropologi dan bidang linguistik dalam abad

yang ke-20. Namun begitu, bidang linguistik tidak mencapai kemajuan yang pesat melalui kajian saintifik yang meluas sehinggalah pada suku tahun akhir abad itu. Pendapat yang mengatakan bahawa kematian bahasa meningkat dengan pesatnya adalah semata-mata berdasarkan andaian. Misalnya, kita tahu bahawa berlaku pertumbuhan yang ketara dalam negara bangsa pada abad ke-20, diikuti dengan pengiktirafan bahasa rasmi. Kita tahu bahawa terdapat perkembangan yang ketara dalam *lingua franca* antarabangsa dan global dalam tempoh yang sama. Dari situ, kita dapat membuat kesimpulan bahawa perkembangan ini tentu akan menyebabkan bahasa minoriti tertekan. Terdapat juga beberapa catatan pemerhati dan ingatan informan, terutamanya yang dikumpulkan sejak tahun 1960-an. Ini memungkinan kita menentukan kadar penurunan tersebut. Statistik tentang jumlah penutur daripada pelbagai peringkat umur dalam bahasa minoriti yang berlainan termasuk dalam kategori ini. Kesemua ini dengan beberapa kekecualian, cenderung untuk menunjukkan keluk yang mencuram. Sama ada terdapatnya atau tidak pertambahan yang sebenar pada kadar itu, anggaran perbandingan yang telah dibuat tentang keluarga bahasa di pelbagai pelosok dunia menunjukkan perkara yang sama, iaitu jangka masa 500 tahun terakhir ini merupakan tempoh kemerosotan yang dramatik. Misalnya, jumlah bahasa yang dituturkan di Brazil sekitar 1500 T.M. telah dianggarkan berjumlah lebih kurang 1175; kini jumlahnya kurang daripada 200.⁴

Tidak mungkin kita boleh memberi satu penjelasan sahaja bagi kemerosotan bahasa tersebut. Terlalu banyak faktor yang terlibat dalam kemerosotan ini. Faktor ini bergabung dengan pelbagai cara mengikut daerah yang berbeza: "Pencarian penyebab tunggal yang membawa kepada kematian bahasa adalah usaha yang sia-sia."⁵ Jika ditanya "mengapa", jawapan yang diterima mungkin ringkas sahaja, terutamanya dalam akhbar popular (misalnya kehairahan semasa tentang penggunaan bahasa Inggeris secara global sebagai "penyebab" kematian bahasa). Namun tiada tindakan diambil melainkan memberi perhatian hanya kepada salah satu isu sahaja. Julat faktor sepenuhnya adalah agak mudah untuk dikenal pasti, kerana adanya kajian kes yang telah dibuat. Pada tahap pengetahuan kita sekarang, kita tidak mungkin membuat andaian tentang faktor ini secara global. Situasi sekarang belum pernah terjadi: dunia ini belum pernah mempunyai bilangan penduduk seramai sekarang, proses globalisasi belum pernah sebegitu ketara; teknologi komunikasi dan pengangkutan tidak semeluas sekarang; belum pernah lagi berlakunya hubungan bahasa yang begitu meluas; dan belum ada bahasa yang begitu berpengaruh pada peringkat antarabangsa seperti bahasa Inggeris. Bagaimana bahasa minoriti dapat bertahan dalam persekitaran seperti ini masih belum diketahui. Kita masih berada pada tahap penilaian peranan faktor

ini dalam lingkungan sesebuah negara – biasanya, dalam daerah tertentu di sesebuah negara. Arah aliran mula kelihatan, namun ia bersifat sementara kerana pangkalan data yang terhad. Oleh itu, laporan yang berikut tidak harus dianggap sebagai mewakili sebarang urutan.

FAKTOR YANG MELETAKKAN MANUSIA DALAM KEADAAN BERBAHAYA

Semestinya sesuatu bahasa akan mati jika semua orang yang menuturkannya mati. Jadi, sebarang keadaan yang merupakan ancaman langsung terhadap keselamatan fizikal sesetengah atau keseluruhan masyarakat, boleh dianggap sebagai masalah pokok. Banyak bahasa yang menjadi kian pupus, nazak atau mati akibat faktor yang mempunyai kesan yang dramatik terhadap kesejahteraan penuturnya.

Jumlah pengguna bahasa boleh dikurangkan dengan banyaknya, pertamatamanya, oleh bencana alam yang membawa malapetaka. Walaupun angka yang tepat sukar diperolehi, terbukti bahawa komuniti kecil di kawasan yang terpencil mudah sekali terhapus atau musnah akibat gempa bumi, taufan, ombak tsunami, banjir, letupan gunung berapi, dan bencana yang lain. Pada 17 Julai 1998, gempa bumi yang besar yang berukuran 7.1 pada skala Richter di luar pesisir pantai Wilayah Saundair Timur, Papua New Guinea, telah membunuh lebih daripada 2200 orang dan menyebabkan lebih 10 000 orang kehilangan tempat tinggal. Kampung Sissano, Warupu, Srop, dan Malol telah musnah. Lebih kurang 30% daripada penduduk Kampung Arop dan Warupu terbunuh. Penduduk kampung ini telah dikenal pasti oleh penyelidik Summer Institute of Linguistics sebagai agak berbeza antara satu sama lain dari segi bahasa pertuturan mereka, dan ini boleh dijadikan asas untuk mengakui kewujudan empat bahasa yang berbeza. Tetapi hal ini tidak dapat diselesaikan: mengikut Ethnologue (1996), kaji selidik masih perlu dilaksanakan dalam tiga kes; beberapa kajian sedang dijalankan dalam kes keempat. Jumlah yang diperolehi adalah kecil: Sissano mempunyai 4776 penduduk mengikut banci pada tahun 1990. Malol dianggarkan mempunyai 3330 penduduk. Sementara Arop mempunyai 1700 penduduk pada tahun 1981 dan Warupu mempunyai 1602 penduduk pada tahun 1983. Kini jumlah keseluruhan penduduk Kampung Arop dan Warupu masing-masing berkurangan sekurang-kurangnya sebanyak 500 orang. Dengan musnahnya kampung-kampung ini, penduduk yang terselamat telah dipindahkan ke pusat jagaan dan ke tempat lain. Kini yang menjadi persoalan ialah sama ada komuniti ini (begitu juga bahasa mereka) akan dapat mengatasi trauma kehilangan ini.

Situasi ini merupakan contoh kemusnahan menyeluruh sesuatu habitat. Dalam kes yang lain, habitat mungkin terus kekal tetapi tidak sesuai untuk dihuni kerana faktor iklim dan ekonomi yang tidak menggalakkan. Kebuluran dan kemarau adalah dua faktor utama. Kebuluran ubi kentang di Ireland (disebabkan oleh hawar ubi kentang pada tahun 1845–6) mengakibatkan kematian satu juta orang antara tahun 1845 hingga 1851 dan menyebabkan bermulanya era penghijrahan yang lama. Jumlah penduduk seramai 8 juta orang pada tahun 1841 telah merosot menjadi 6.5 juta orang satu dekad kemudian. Dampak yang paling besar adalah dalam komuniti luar bandar, dan di situlah tertumpunya penutur bahasa Irish. Kebuluran mungkin telah mempercepat kemerosotan bahasa Irish pada masa itu.⁶ Kebelakangan ini, khususnya di Afrika, statistik kebuluran yang diburukkan lagi oleh akibat perang saudara membawa implikasi yang ketara kerana bahasa yang dituturkan oleh merekalah yang paling teruk terjejas. Pada tahun 1983–1985 berlaku kemarau Sahel di timur dan Afrika Selatan. Agensi PBB telah menganggarkan bahawa lebih kurang 22 juta orang di lebih 20 negeri terancam. Pada tahun 1991–1992, semasa kemarau di Somalia, seramai satu suku daripada jumlah kanak-kanak di bawah umur 5 tahun meninggal dunia. Pada tahun 1998, mengikut Program Pemakanan Sedunia PBB, 10% daripada 29 juta penduduk Sudan menghadapi risiko kebuluran, terutamanya di bahagian selatan. Masalah ini diburukkan lagi dengan berlakunya perang saudara yang berterusan. Masalah kebuluran semestinya memberi kesan yang lebih teruk terhadap bilangan bahasa yang belum mantap di beberapa tempat dalam negara itu. Daripada 132 bahasa hidup yang disenaraikan di Sudan dalam *Ethnologue* (1996), iaitu sekitar 122 bahasa, 17 daripadanya dilaporkan mempunyai kurang daripada 1000 orang penutur; 54 bahasa lagi mempunyai kurang daripada 10 000 orang penutur sementara 105 bahasa-bahasa lain mempunyai kurang daripada 100 000 orang penutur.

Kesan bersejarah, akibat penyakit yang dibawa masuk terhadap kaum asli sudah pun terbukti. Walaupun kesannya amatlah besar pada awal zaman kolonial, namun ia masih belum dimengerti sepenuhnya.⁷ Dalam masa 200 tahun sejak orang Eropah pertama kali datang ke Amerika Utara, Selatan dan Tengah, dianggarkan lebih 90% daripada kaum asli mati akibat penyakit yang dibawa bersama-sama oleh orang Eropah, iaitu oleh haiwan dan manusia. Contohnya, jumlah penduduk Mexico Tengah dipercayai berjumlah lebih daripada 25 juta semasa ketibaan orang Sepanyol pada tahun 1518, namun jumlah ini menurun kepada 1.6 juta menjelang tahun 1620. Sesetengah data menunjukkan bahawa jumlah penduduk Dunia Baru mungkin berjumlah sebanyak 100 juta orang sebelum pertembungan dengan

orang Eropah. Dalam tempoh 200 tahun angka ini telah menurun menjadi kurang daripada satu juta orang. Besarnya bencana itu hanya dapat dilihat dengan membandingkannya dengan bencana yang lain. Jumlah kematian di sini jauh melebihi anggaran 25 juta orang yang mati akibat *Black Death* pada abad ke-14 di Eropah. Malahan, ia melebihi jumlah kematian dalam kedua-dua Perang Dunia (lebih kurang 30–40 juta).⁸

Penyakit yang kurang berbahaya pun boleh mendatangkan kesan yang dahsyat terhadap komuniti yang tidak mempunyai daya tahan terhadapnya. Terdapat beberapa laporan tentang penyakit influenza, dan juga selesema [sic] biasa telah mengakibatkan kematian kaum asli – suatu risiko yang sentiasa mengganggu fikiran pekerja bantuan, ahli antropologi, mubaligh, ahli bahasa, dan orang lain yang bertugas dengan mereka. Penyakit telah dikenal pasti sebagai faktor yang kritikal dalam beberapa kes, misalnya dalam kalangan orang Andaman (Pucikwar – bilangan penuturnya menurun kepada 24 orang pada tahun 1981).⁹ AIDS, semestinya mempunyai dampak yang lebih besar terhadap komuniti dan bahasa dibandingkan dengan penyakit yang lain. UNAIDS, program bersama PBB tentang HIV/AIDS,¹⁰ melaporkan bahawa sejumlah 33.4 juta penduduk dunia dihinggapi penyakit ini pada akhir tahun 1988, dan 95% daripada jangkitan dan kematian berlaku di negara-negara yang sedang membangun, iaitu sebanyak 22.5 juta di kawasan sub-Sahara di Afrika, 6.7 juta di Asia Selatan dan Asia Tenggara, sementara 1.4 juta di Amerika Latin – kawasan yang pada keseluruhannya mengandungi tiga perempat bahasa dunia. Satu lagi faktor ialah meningkatnya penyakit batuk kering (yang menyebabkan 30% daripada kematian akibat AIDS). Di Afrika, negara yang teruk terjejas terutamanya, Botswana, Namibia, Swaziland, dan Zimbabwe. Penyakit ini telah memusnahkan satu suku daripada penduduk yang berumur antara 15 dan 50 tahun. Di keempat-empat negara ini, kesan terhadap bahasa adalah terhad, kerana bahasa yang dituturkan agak sedikit (kira-kira 80 kesemuanya). Tetapi, misalnya, di Nigeria yang kebanyakan daripada 470 bahasanya itu dituturkan oleh jumlah penutur yang kecil, kesan wabak terhadap bahasa sudah tentu lebih dahsyat walaupun setakat ini menyebabkan kematian yang sedikit jumlahnya (150 000 orang pada tahun 1997).

Kesan kebuluran dan penyakit amat berkait rapat dengan faktor ekonomi. Kini terdapat begitu banyak kes yang tercatat tentang keselamatan penduduk yang secara langsung terancam akibat eksploitasi ekonomi kawasan mereka oleh orang luar. “Penggurunan” ialah istilah yang diberikan kepada degradasi alam sekitar di kawasan gersang dan separa gersang di dunia akibat penanaman dan ragutan lampau, tanaman kontan (yang mengurang-

kan keluasan tanah untuk menghasilkan tanaman makanan bagi penduduk tempatan), penebangan hutan, amalan saliran yang teruk, ditambah lagi dengan perubahan pola iklim (seperti El Nino).¹¹ Apabila tanah hilang kesuburannya, ia tidak lagi dapat menampung penduduknya – suatu fenomena yang kerap berlaku di Afrika pada tahun 1970-an dan tahun 1980-an, semasa “penggurunan” berlaku di seluruh kawasan Sahel. Perpindahan penduduk yang tidak diduga berlaku, dan komuniti mendapati sukar untuk mengekalkan integritinya, manakala kebergantungan budaya tradisi serta bahasa terputus.

Di bahagian dunia yang sumber aslinya terdedah kepada eksploitasi luar, kesan terhadap penduduk tempatan amat dahsyat, seperti yang selalu didokumentasikan oleh pertubuhan hak asasi manusia. Perlakuan terhadap komuniti hutan hujan Amazon selalunya menjadi punca kutukan antarabangsa. Meskipun telah berdekad-dekad usaha dilaksanakan bagi mendapatkan hak milik tanah bagi kaum asli, dan melindungi mereka daripada pencerobohan peladang ternak, pelombong, dan pembalak, laporan tentang pembunuhan etnik dan pengusiran masih sering diperkatakan. Petikan daripada laporan yang diterbitkan oleh Amnesti Antarabangsa memadai bagi mewakili fail yang tebal dan menyedihkan.¹² Laporan yang berikut merujuk kepada dekri kerajaan yang menjejaskan tanda sempadan yang sedia ada bagi lebih kurang 344 tanah kaum asli di Brazil:

Sejak dekri ini diluluskan, pada 8 Januari 1996, beberapa pencerobohan baru tanah kaum asli telah dilaporkan. Pada masa yang lalu, ahli politik tempatan yang tidak berprinsip dan kumpulan yang mempunyai kepentingan ekonomi dalam beberapa banyak negeri, yang biasanya disokong oleh pihak berkuasa negeri, telah merangsang pencerobohan tanah kaum asli oleh peneroka, pelombong dan pembalak, dan mereka mempergunakan ketidaktentuan dalam proses penandaan sempadan bagi kepentingan sendiri. Ini telah mengakibatkan berlakunya pertempuran yang sengit dan pembunuhan. Pihak berkuasa di semua peringkat selalunya gagal untuk melindungi hak asasi anggota kumpulan kaum asli atau gagal untuk membawa orang yang bertanggungjawab terhadap serangan itu ke muka pengadilan.

Walaupun Amnesti Antarabangsa tidak terlibat dalam pertikaian tanah, pertubuhan hak asasi manusia ini telah berkempen menentang pencerobohan terhadap hak asasi manusia yang dialami oleh komuniti asli di Brazil pada kebelakangan ini oleh mereka yang menginginkan tanah dan sumber kaum asli di situ. Mereka ini selalunya bertindak dengan persetujuan atau pakatan sulit pihak pegawai kerajaan. Amnesti

Antarabangsa telah berulang kali memohon kepada pihak berkuasa di semua peringkat untuk memastikan tiada sesiapa yang bebas daripada hukuman serta menghentikan pembunuhan, serangan dan ancaman terhadap komuniti kaum asli. Perangkaan separa menunjukkan bahawa dalam lima tahun kebelakangan ini, sekurang-kurangnya 123 anggota kumpulan kaum asli telah dibunuh oleh anggota penduduk bukan asli dalam persengketaan tanah. Dalam kebanyakan kes, tidak ada sesiapa pun yang telah dibawa ke muka pengadilan atas pembunuhan itu. Misalnya, sehingga kini tidak ada sesiapa yang dibicarakan bagi pembunuhan beramai-ramai 14 orang kaum Ticuna di Amazonas pada tahun 1988, dan pembunuhan 14 orang puak Yanomami pada tahun 1993 di Kampung Haximu yang terletak di sempadan Brazil/Venezuela.

Jarang-jarang sekali ayat yang dimulakan dengan kata “misalnya” membawa maksud yang tersirat seserius ini. Dalam kes yang komunitinya telah terusir, kebanyakan mereka yang terselamat tidak mahu atau tidak berupaya untuk tinggal dalam habitat mereka. Oleh yang demikian, mereka berpindah ke kawasan yang menjadi pusat penduduk, dan di sini secara perlahan-lahan mereka kehilangan identiti budaya mereka dalam persekitaran masyarakat yang miskin. Untuk terus hidup, mereka mempelajari bahasa baru sebaik mungkin – di Brazil bahasanya ialah bahasa Portugis, atau salah satu bahasa kreol yang dituturkan di kawasan itu sebagai *lingua franca*. Bahasa etnik cenderung untuk bertahan tidak lebih daripada satu generasi – itupun sekiranya anggota generasi itu dapat terus hidup.

Di sesetengah tempat di dunia, keadaan politik di dalam negara itulah yang menjadi punca sebenar terhapusnya atau lenyapnya sesuatu komuniti, dan bukannya keadaan ekonomi negara tersebut. Kemusnahan mungkin adalah akibat perang saudara, atau konflik yang berlaku di seluruh dunia. Misalnya, beberapa pulau di Lautan Pasifik dan India terperangkap dalam penaklukan dan Perang Dunia Kedua, dan ancaman terhadap bahasa merupakan salah satu daripada akibatnya (misalnya di Kepulauan Andaman).¹³ Permusuhan etnik atau keagamaan yang berpanjangan dapat dikaitkan, seperti yang berlaku di sesetengah bahagian di Afrika. Laporan Bruce Connell tentang lenyapnya rumpun bahasa Mambiloid (termasuk bahasa Kasabe) memberikan suatu gambaran:¹⁴

Kepercayaan umum ialah datangnya jihad Fulani semasa abad ke-19, seterusnya pengabdian ramai orang dan pembunuhan beramai-ramai puak penentang, telah menyebabkan sebahagian besar penduduknya terhapus dan berpecah belah, sehingga bahasa mereka tidak lagi penting.

Keadaan itu menyerupai genosid. Dakwaan seperti ini telah dibuat berkenaan nasib bahasa Nuba di Sudan dan bahasa Ogoni di Nigeria.¹⁵

Di kebanyakan tempat, sukar diasingkan faktor politik dan ekonomi. Kelenyapan beberapa bahasa di Columbia, misalnya, dianggap berpunca daripada kombinasi keadaan yang agresif.¹⁶ Satu aliran menonjolkan sejarah konflik ketenteraan, yang menyebabkan terhapusnya beberapa komuniti kaum asli. Lebih kurang 30 bahasa telah pupus sejak kedatangan orang Sepanyol. Kini, konflik itu lebih kompleks, iaitu melibatkan pasukan separa tentera, gerila, dan kumpulan penjenayah (berkaitan dengan dadah) yang beroperasi di kawasan desa. Anggota komuniti etnik mendapati diri mereka terperangkap dalam kemelut itu. Selalunya mereka disyaki oleh salah satu pihak sebagai bersubahat dengan pihak yang lain. Satu lagi aliran menonjolkan eksploitasi komuniti kecil oleh organisasi dalam dan luar negeri. Adanya laporan tentang buruh abdi (untuk penghasilan getah di sepanjang Sungai Amazon) dan perpindahan paksa dari kawasan desa ke bandar. Walau apa pun alasannya, hasilnya sama sahaja – kematian penduduk yang ketara, serta perpecahan jangka pendek komuniti.¹⁷

FAKTOR YANG MENGUBAH BUDAYA MASYARAKAT

Masyarakat mungkin terus hidup, tetapi bahasanya mati. Faktor yang termasuk dalam kumpulan kedua yang menyebabkan kehilangan bahasa tidak ada kaitan secara langsung dengan keselamatan fizikal manusia. Anggota komuniti akan terus hidup sejahtera, dan lazimnya terus tinggal di wilayah tradisi mereka. Meskipun begitu, bahasa mereka terus merosot, akhirnya lenyap dan digantikan oleh bahasa lain. Istilah yang lazimnya ditemui dalam hal ini ialah “asimilasi budaya”, iaitu satu budaya dipengaruhi oleh budaya yang lebih dominan dan akan kehilangan ciri-cirinya akibat penerimaan nilai budaya yang baru oleh penuturnya. Ini mungkin terjadi dengan beberapa cara. Dominasi mungkin disebabkan oleh “kebanjiran” penduduk. Orang luar yang datang dalam jumlah yang banyak ke kawasan komuniti asli itu membanjiri kawasan tersebut – seperti yang kerap berlaku dalam proses kolonialisme. Australia dan Amerika Utara merupakan contoh klasik bagi hal ini. Mungkin juga satu budaya boleh mendominasi satu budaya lain tanpa “kebanjiran” pendatang asing, sama ada melalui kekuatan tentera atau atas alasan ekonomi. Apa pun caranya, bahasa dengan pantas menjadi lambang kedominasian itu. Secara tipikalnya ini berlaku dengan pelaksanaan bahasa standard atau bahasa rasmi yang dikaitkan dengan negara pendatang tersebut. Saiz penduduk tidak semestinya penting: kumpulan kecil boleh menguasai kumpulan yang lebih besar – seperti yang kerap

berlaku semasa kemasukan orang Eropah ke Afrika.

Jarak geografi juga tidak penting bagi sesuatu budaya untuk mempengaruhi budaya yang lain. Pada kurun ke-20, terutamanya, lingkungan pengaruh telah menjadi semakin luas, dan, dalam kes budaya yang disebut sebagai “budaya pengguna Barat”, kini melibatkan seluruh dunia. Faktor ini memang diketahui umum.¹⁸ Pemandangan telah mewujudkan bandar yang berfungsi sebagai daya tarikan yang kuat terhadap masyarakat desa, dan kemajuan dalam bidang pengangkutan serta komunikasi telah memudahkan orang desa untuk berhijrah ke sana. Di bandar, mereka mudah terpengaruh dengan budaya pengguna, yang lazimnya “keamerikaan”, dan mereka terdedah kepada kehomogenan yang tidak dapat dielakkan akibat pertembungan seperti ini. Pemelajaran bahasa yang dominan – seperti bahasa Sepanyol atau Portugis di Amerika Selatan, bahasa Swahili di kebanyakan kawasan Afrika Timur, bahasa Quechua dan Aymará di negara yang terletak di Banjaran Andes, dan bahasa Inggeris yang dipelajari di merata dunia – akan memudahkan lagi proses ini. Walaupun masyarakat desa tetap tinggal di desa, mereka tidak akan terlepas (kecuali bagi komuniti yang jauh terpencil), kerana sistem pengangkutan yang membawa orang desa ke bandar juga boleh digunakan untuk membawa masuk budaya pengguna kepada komuniti mereka. Pemusatan kuasa di metropolis selalunya mengakibatkan kehilangan autonomi bagi komuniti tempatan yang tidak dapat dielakkan. Mereka juga rasa terasing apabila menyedari bahawa mereka tidak lagi dapat mengawal untung nasib mereka. Keperluan masyarakat tempatan tidak diindahkan oleh pihak kerajaan yang terletak jauh di bandar. Bahasa yang dibawa oleh budaya yang dominan merebak secara meluas, diperkukuh oleh siaran media secara terus-menerus, terutamanya televisyen. Kesan ini disifatkan oleh Michael Krauss sebagai “gas saraf budaya”.¹⁹ Pengetahuan dan amalan tradisi terhakis dengan cepat sekali. Herbert Schiller menyokong perkara ini dengan merujuk kepada cara kehomogenan budaya kini mengancam seluruh dunia, beliau mengatakan “Di serata dunia budaya tempatan terpaksa menyerah kepada lambakan siaran yang berbentuk komersial secara besar-besaran.” Dalam bukunya yang lain, beliau menyuarakan renungannya yang relevan ini:²⁰

Apakah gunanya suatu pergerakan kebangsaan yang telah berjuang bertahun-tahun untuk mencapai kemerdekaan, dan jika kebebasan itu, sebaik saja dicapai dijejaskan oleh nilai dan aspirasi yang datang daripada pihak yang pernah berkuasa dan menindas?

Apabila sesuatu budaya berasimilasi dengan yang lain, urutan peristiwa yang membabitkan bahasa yang terancam itu nampaknya sama sahaja di mana-mana. Terdapat tiga tahap yang umum. Pertama, tekanan yang kuat terhadap

penduduk untuk bercakap dalam bahasa yang dominan – tekanan yang mungkin datangnya daripada sumber politik, sosial atau ekonomi. Tekanan tersebut mungkin dari “atas ke bawah” iaitu dalam bentuk insentif, perakuan, atau undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan atau badan kerajaan; atau mungkin dari “bawah ke atas”, iaitu yang berupa trend atau tekanan. Mungkin juga tiada arah aliran yang jelas, tetapi terbit hasil daripada interaksi antara faktor sosiopolitik dan sosioekonomi yang hanya sebahagiannya diakui dan dan difahami. Namun, dari mana sekalipun datangnya tekanan tersebut, akibatnya – ialah tahap kedua – iaitu era kemunculan kedwibahasaan. Masyarakat menjadi semakin cekap dalam bahasa baru mereka, di samping mengekalkan kecekapan dalam bahasa lama mereka. Akan tetapi, selalunya dengan mudah juga, kedwibahasaan ini mula merosot, iaitu, bahasa lama diganti oleh bahasa baru. Ini akan membawa kepada tahap ketiga, iaitu generasi muda menjadi lebih mahir dalam bahasa baru itu, dan mereka lebih mengenali bahasa baru itu, dan akan mendapati bahasa pertama mereka menjadi kurang relevan dengan keperluan mereka yang baru. Ini selalunya diiringi dengan rasa malu untuk menggunakan bahasa lama. Perasaan ini bukan sahaja dirasai ibu bapa mereka tetapi juga dalam kalangan generasi anak-anak mereka. Ibu bapa semakin kurang menggunakan bahasa lama dengan anak mereka, atau apabila bertutur di hadapan anak-anak; dan apabila lebih ramai kanak-kanak dilahirkan dalam masyarakat baru itu, orang dewasa mendapati peluang untuk bertutur bahasa lama dengan anak-anak mereka semakin tipis. Keluarga yang terus menggunakan bahasa itu mendapati semakin kurang keluarga lain untuk dilawan bercakap. Bahasa mereka sendiri menjadi bahasa yang “melihat ke dalam” dan idiosinkratik, dan ini akan menghasilkan “dialek keluarga”. Di luar rumah, kanak-kanak tidak lagi bercakap antara satu sama lain dalam bahasa lama mereka. Dalam masa satu generasi – kadang-kadang dalam masa satu dekad – kedwibahasaan yang sihat dalam sesebuah keluarga akan menjadi linguisme separa yang sedar sendiri, dan dari situ menjadi monolinguisme yang akan membawa bahasa itu selangkah lebih dekat ke arah kepupusan.²¹

Menyedari akan kuasa global, mereka yang prihatin terhadap masa depan bahasa yang kian pupus mengetahui bahawa pada masa ini agak mustahil untuk mempengaruhi faktor yang menjadi asas tahap pertama proses ini. Bagi kebanyakan bahasa, tahap ketiga sudah terlewat. Pada tahap kedua – iaitu tahap kemunculan kedwibahasaan – masih ada peluang untuk mewujudkan suatu kemajuan. Jika proses kemerosotan bahasa ingin diperlahankan, dihentikan, atau dibalikkan, maka di tahap inilah perhatian mesti ditumpukan. Stephen Wurm merumuskannya begini:

Kebanyakan bahasa yang menghadapi bahaya kepupusan pada hari ini

tidak akan berada dalam keadaan sekarang, jika bukan kerana sikap sebilangan besar penutur bahasa metropolitan yang berhubung dengan mereka. Sikap mereka yang begitu percaya bahawa keekabahasaan merupakan keadaan yang normal dan sesuai bagi mereka inilah, yang menyebabkan, penutur bahasa yang kian pupus itu berdepan dengan pilihan sama ada: menerima bahasa metropolitan, atau tidak menikmati faedah penguasaan bahasa metropolitan di dalam masyarakat yang bahasa metropolitannya lebih dominan. Sikap ini ... tidak mempedulikan langsung kemungkinan penutur bahasa yang terancam itu fasih dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa mereka sendiri dan bahasa metropolitan, akibat tekanan budaya dan sosial dalam budaya metropolitan yang ekabahasa. Kemungkinan ini jarang-jarang berlaku dalam kalangan penutur bahasa minoriti yang kian pupus.²²

Mengapakah tahap ini begitu penting? Ini disebabkan kedwibahasaan menawarkan *modus vivendi* antara bahasa yang dominan dengan bahasa yang dikuasai – suatu pilihan untuk wujud bersama-sama tanpa konfrontasi. Pada dasarnya keadaan ini boleh wujud kerana, alasan bagi kewujudan kedua-dua bahasa adalah berbeza sama sekali. Bahasa yang dominan adalah menarik, kerana membolehkan mereka untuk bergerak keluar dari komuniti asli. Terdapat ruang lingkup yang baru yang dapat diperoleh oleh anggota masyarakat, taraf hidup yang baru yang boleh dicapai, dan mutu kehidupan yang baru yang boleh dikejar. (Saya tidak menganggap sebahagian daripada tugas saya untuk membayangkan sama ada kehidupan yang baru ini lebih baik atau lebih buruk daripada kehidupan yang terdahulu). Bahasa yang dominan itu perlu, kerana dapat merapatkan jurang antara kedua-dua dunia tersebut – sebagai jambatan untuk saling memahami dan tanpanya kemajuan mereka mungkin terabai. Sebaliknya bahasa yang didominasi mempunyai peranan yang lain pula. Dari segi definisi, ia tidak mempunyai nilai sebagai *lingua franca* antarabangsa atau antara budaya; ia tidak dapat memudahkan komunikasi antara manusia; ia tidak melihat keluar. Ia wujud kerana sebab-sebab yang berbeza, iaitu untuk memperlihatkan identiti penutur sebagai anggota masyarakat mereka. Ia melihat ke dalam, tetapi dari segi yang terbaik: ia mengeratkan hubungan kekeluargaan, mengekalkan hubungan sosial, memelihara pertalian sejarah, dan menjadikan penuturnya berasa diri mereka mempunyai salasilah. Bahasa yang dominan tidak dapat melakukan ini.²³ Ia mempunyai identitinya sendiri; mereka yang menuturnya sebagai bahasa ibunda mempunyai salasilah mereka sendiri. Hanya bahasa yang didominasi yang dapat menghidupkan semula identiti komuniti asli – peranan yang tidak dapat dilakukan oleh bahasa lain.

Untuk mewujudkan keadaan ini, istilah “pendominasian” mesti dilenyapkan. Kedwibahasaan yang sihat ialah keadaan yang memperlihatkan kehadiran kedua-dua bahasa sebagai saling melengkapi, dan bukannya bersaing. Kedua-duanya memainkan peranan yang berbeza, dengan setiap bahasa itu dilihat sebagai sesuatu yang berfaedah.²⁴ Pelabelan seperti “didominasi” tidak langsung membantu dalam menggalakkan sikap positif yang diperlukan; dan apabila ia melibatkan bahasa yang kian pupus, sikaplah yang paling penting – bagaimana masyarakat melihat bahasa mereka, dan bagaimana perasaan mereka terhadapnya. Jika penutur berasa bangga dengan bahasa mereka, suka mendengar orang lain menggunakannya, mereka sendiri cenderung menggunakannya sekreatif mungkin, serta mewujudkan ruang yang memungkinkannya bahasa itu boleh didengari, maka keadaan itu amat sesuai untuk pengekalannya. Tahap kedua dalam persekitaran sebegini, mungkin kekal buat jangka masa yang lama. Sebaliknya, jika masyarakat berasa malu untuk menggunakan bahasa mereka, dan beralih kepada bahasa yang dominan pada kebanyakan masa, mentertawakan bahasa dan penutur bahasa yang hampir pupus itu, serta mengelak acara yang menyanjung bahasa itu, maka tahap kedua ini mungkin tidak kekal lama. Menggalakkan sikap yang positif terhadap bahasa, merupakan salah satu langkah paling penting yang mesti dilakukan dalam usaha pengekalan bahasa.

Bahasa merosot apabila sikap positif ini tiada. Dalam banyak kes, sikap positif itu memangnya tiada. Atas sebab politik, suasana tidak menyebelahnya. Misalnya, kebanyakan kerajaan di Afrika melihat kepelbagaian bahasa sebagai ancaman terhadap perpaduan negara – dalam usaha membina sebuah negara bangsa.²⁵

Kerajaan-kerajaan tersebut mengesyaki kumpulan minoriti kerana sejarah pertempuran etnik yang memang sudah terbukti berlaku di seluruh rantau itu. Anggota kerajaan yang berkuasa itu sendiri merupakan ahli kumpulan etnik tertentu. Oleh itu, cadangan untuk mengukuhkan status etnik atau ketaatan akan disangsikan, dan disebabkan bahasa sangat terikat dengan identiti etnik, cadangan untuk mengukuhkan bahasa minoriti terutamanya, boleh dicurigai. Malah tidaklah mustahil jika masyarakat kaum asli terancam sekiranya membenarkan orang luar merakamkan bahasa mereka.²⁶ Pihak berkuasa berasa agak gementar – mungkin atas sebab-sebab tertentu, kerana akibat sosiopolitik memang tidak dapat diramalkan, dan dalam banyak kes yang diketahui, bahasa digunakan sebagai alat untuk menentang rejim yang bersifat menindas, atau sebagai cara untuk menyampaikan maklumat secara rahsia semasa peperangan.²⁷ Peranan bahasa sebagai cara yang sangat berkesan untuk membangkitkan revolusi mula disedari oleh pedagang hamba yang pertama, yang secara

sengaja menempatkan orang daripada berbilang latar belakang bahasa dalam kapal yang sama dalam perjalanan menuju ke Amerika, supaya mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik antara satu sama lain. Langkah yang serupa dilakukan terhadap puak orang Indian daripada latar belakang bahasa yang berbeza. Mereka ditempatkan di tanah rizab di Amerika Utara, supaya mereka terpaksa belajar bahasa Inggeris.²⁸ Dan kejadian ini masih berleluasa: dalam suatu laporan, seorang pegawai tentera Columbia telah menceritakan tentang kaum Embera, iaitu kaum yang tinggal di pesisir pantai Pasifik, sebagai sengaja mereka-reka satu bahasa tersendiri untuk mengelirukan orang putih.²⁹

Rasa benci yang terang-terangan mungkin tidak berlaku di semua tempat. Di Amerika Selatan, misalnya, bahasa peribumi biasanya tidak dianggap sebagai ancaman terhadap perpaduan negara, barangkali kerana negara-negara tersebut mempunyai masa yang lama untuk menjadi mantap. Mereka lebih bersikap tidak mengambil kisah daripada menunjukkan penentangan.³⁰ Rasa benci mungkin tidak ditunjukkan dengan ketara. Masyarakat mendapati mereka kurang berpeluang untuk menggunakan bahasa mereka, kerana secara rasminya penggunaannya terhad. Bahasa itu tidak digunakan di tempat rasmi, seperti di pejabat perkhidmatan awam dan bank tempatan. Ia tidak digunakan dalam media. Ia juga tidak digunakan sebagai bahasa pendidikan tinggi. Misalnya, tidak ada satu pun antara 1200 bahasa peribumi yang digunakan sebagai bahasa perantaraan di sekolah menengah di sana.³¹ Lama-kelamaan sesuatu bahasa itu akan lenyap daripada sudut kehidupan yang "serius", dan agama merupakan bidang terakhir yang akan terjejas. Kewujudannya mungkin masih kuat dalam sesetengah bidang, seperti dalam sastera, seni hiburan popular, dan dalam budaya rakyat, tetapi semuanya dianggap sebagai bidang yang berstatus rendah. Dari sudut politik, bahasa mereka semakin kurang penting. Ahli sosiolinguistik Amerika, Joshua Fishman, pada suatu ketika pernah merujuk kepada keadaan ini sebagai "membudayarakatkan" sesuatu bahasa iaitu menggunakan bahasa peribumi dalam bidang yang tidak relevan dan tidak penting.³² Dengan lenyapnya setiap bidang itu, harus diambil perhatian bahawa akan berlaku kehilangan kosa kata, pola wacana, dan julat stilistik. Dengan mudah dapat dilihat bagaimana bahasa akan mati akhirnya, semata-mata kerana kebanyakan bidang sudah tiada lagi dan hampir tidak ada perkara yang boleh dibicarakan lagi, serta kosa kata berkaitan dengan perkara itu juga sudah tidak ada. Ia telah menjadi bentuk perlakuan yang hanya lazim bagi penggemar, pakar bahasa dan orang yang bersikap ingin tahu. Ia kurang berprestij.

Inilah sebab utama mengapa bahasa yang ramai penuturnya juga tidak

akan terselamat, dalam jangka masa yang panjang: statusnya lama-kelamaan mungkin terhakis hingga tiada siapa yang ingin menggunakannya. Di Amerika Selatan, bahasa Quechua dan Aymara, dalam semua keragamannya, kini masing-masing mempunyai lebih daripada sejuta penutur; tetapi perpindahan ke bandar-bandar di pesisir pantai Peru nyata sekali telah mengurangkan jumlah tersebut, kerana penuturnya beralih ke bahasa Sepanyol.³³ Keadaan ini mungkin tidak menjadi begitu serius sekiranya bahasa ini dikekalkan dengan teguh di kawasan luar bandar; tetapi dilaporkan sikap orang luar bandar semakin berubah. Bahasa peribumi dilihat oleh ‘penuturnya’ sebagai tanda kemunduran, atau sebagai penghalang untuk meningkatkan taraf sosial mereka. Mereka tidak yakin dengan bahasa itu. Sikap negatif ini begitu mendalam hinggan jika pihak berkuasa mencuba melakukan sesuatu tentangnya – seperti memperkenalkan projek kemasyarakatan atau langkah-langkah untuk melindunginya, atau memperkenalkan dasar bahasa rasmi – masyarakat kaum asli menyambutnya dengan tidak bersemangat, penuh keraguan atau menunjukkan penentangan.

Tetapi sikap negatif ini semestinya bersebab. Seseorang tidak dilahirkan dengan rasa malu atau kurang yakin terhadap bahasa sendiri. Dari manakah datangnya perasaan itu? Dalam hampir semua kes, sikap ini diperkenalkan oleh budaya yang lebih dominan, yang anggotanya mengecap kaum itu sebagai bodoh, malas dan tidak beradat (lazimnya, walaupun terbukti pencapaian seni yang begitu tinggi dalam kehidupan zaman silam kaum itu, contohnya orang Maya dan Aztec), dan bahasa mereka dianggap sebagai jahil, mundur, cacat, tidak lengkap atau (mengikut pendapat beberapa orang mubaligh) sebagai bahasa syaitan. Akira Yamamoto memetik kenyataan yang lazim disebut oleh pesuruhjaya hal-ehwal Indian di Amerika Syarikat pada abad ke-19: “Menggunakan bahasa vernakular sebagai bahasa pengantaraan bukan sahaja tidak berguna bagi orang Indian, tetapi menjejaskan tujuan pendidikan dan tamadun mereka.”³⁴ Sikap sebegini diperkukuh melalui hukuman yang dikenakan atas penggunaan bahasa tempatan. Penulis Kenya, Ngugi wa Thiong’o mengimbas kembali pengalaman sedemikian pada zaman sekolahnya, semasa bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar:³⁵

Salah satu pengalaman yang sungguh mengaibkan adalah jika ditangkap berbahasa Gikuyu dalam kawasan sekolah. Pesalah akan dihukum dera – dirotan tiga hingga lima kali di punggung yang ditelanjangi – atau disuruh membawa plat logam yang digantung pada lehernya yang bertulis perkataan SAYA BODOH atau SAYA SEEKOR KELDAI. Kadang-kadang pesalah dikenakan denda yang langsung tidak mampu dibayar. Bagaimanakah caranya guru menangkap si pesalah itu? Sebiji

butang diberikan kepada murid yang harus memberikannya kepada sesiapa yang didapati bercakap dalam bahasa ibundanya. Setiap waktu akhir persekolahan sesiapa yang mempunyai butang itu akan mendedahkan nama orang yang telah memberikan butang itu kepadanya, dan proses ini akan memastikan semua pesalah pada hari itu akan diketahui. Kanak-kanak itu menjadi pemburu pesalah dan dalam proses itu dididik dengan nilai yang menguntungkan, iaitu menjadi pengkhianat kepada masyarakatnya sendiri.

Pengalaman yang sama telah dilaporkan di kebanyakan tempat di dunia, bukan sahaja berkaitan dengan bahasa Inggeris; misalnya, dasar penindasan Perancis, Sepanyol, dan Portugis yang menjadi kelaziman di Afrika dan Latin Amerika; serta penindasan terhadap orang Ainu di Jepun. Bahasa peribumi dilarang digunakan di pusat-pusat agama Kristian dan sekolah berasrama. Di Wales, terutamanya pada abad ke-19, penggunaan apa yang dikenali sebagai *Welsh Not*. Sekeping papan kayu atau papan loh yang diukir dengan huruf “WN” padanya, akan digantung pada leher murid yang bercakap dalam bahasa Welsh; seterusnya ia akan digantung pula pada leher murid lain yang didapati menggunakan bahasa Welsh, dan murid yang didapati memakainya pada waktu akhir hari persekolahan itu akan dihukum. Di Ireland juga berlaku amalan yang serupa. Di tempat-tempat lain, membasuh mulut dengan sabun sangat terkenal, seperti yang dikatakan oleh seorang lelaki Tlingit dari Alaska – “Apabila saya bertutur dalam bahasa Tlingit, mulut saya masih terasa sabun.”³⁶ Tetapi apa jua mekanismenya, hasilnya sama: rasa rendah diri atau malu terhadap bahasa sendiri, enggan atau malu menggunakan bahasa itu kerana takut menimbulkan kutukan, dan keinginan semula jadi supaya anak-anak mereka tidak terdedah kepada pengalaman yang sama. Jika masyarakat percaya, secara betul atau salah, bahawa bahasa nenek moyang merekalah yang menyebabkan mereka ketinggalan, atau mereka terkebelakang dari segi kemajuan sosial kerana tidak mampu bertutur dengan baik dalam bahasa yang dominan, maka tidak hairanlah jika didapati mereka tidak suka mengekalkan bahasa mereka, serta tidak menyokong projek untuk mengekalkan bahasa itu jika dilaksanakan (misalnya di sekolah). Dan apabila pandangan ini diperkukuh oleh pendapat anak muda mereka – yang juga akan melihat bahasa lama sebagai sudah tidak relevan atau sebagai penghalang dan berpendapat bahawa orang tua-tua yang masih menuturkan bahasa itu sudah ketinggalan atau jahil – ini memang dijangkakan bahawa sikap negatif ini akan merebak ke seluruh masyarakat.³⁷

Usaha yang disengajakan oleh penutur sesuatu bahasa untuk menghancurkan bahasa orang lain memang sudah terbukti, dan apabila terdapat bukti bahawa hal ini berlaku, pada masa-masa tertentu dalam sejarah

penjajahan, sesetengah penulis merasakan bahawa mereka perlu menggunakan bahasa yang sesuai lagi dramatik, dalam memperkatakan “pembunuhan bahasa” atau “linguisid”. Rasa benci terhadap bahasa boleh dilihat sepertimana yang diabadikan oleh Harold Pinter, dalam dramanya *Mountain Language* (1988, Babak I), yang pada suatu ketika seorang pegawai bercakap di hadapan sekumpulan wanita, yang begini bunyinya:

Dengar sini. Kamu orang bukit. Kamu dengar tak? Bahasa kamu sudah mati. Ia dilarang. Tidak dibenarkan bercakap bahasa bukit di tempat ini. Kamu tidak boleh berbahasa bukit dengan suami kamu. Ia dilarang. Kamu faham? Kamu tidak boleh menuturkannya. Ia melanggar undang-undang. Kamu hanya boleh bertutur dalam bahasa yang digunakan di ibu negara. Itu sahaja bahasa yang dibenarkan digunakan di tempat ini. Kamu akan menerima hukuman yang berat jika kamu bercakap dalam bahasa bukit di tempat ini. Ini ialah dekri tentera. Ini satu undang-undang. Bahasa kamu dilarang digunakan. Ia sudah mati. Tidak ada sesiapa yang dibenarkan bertutur dalam bahasa kamu. Bahasa kamu sudah tidak wujud lagi.

Itulah nada pembunuhan bahasa. Walau bagaimanapun, telah dinyatakan bahawa istilah ini tidak begitu tepat: berhadapan dengan keadaan apabila orang membuat keputusan secara sedar untuk tidak menggunakan bahasa mereka lagi, atau untuk tidak menurunkan bahasa itu kepada anak mereka, kerana melihatnya sebagai beban yang tidak bertanggung oleh anak mereka, maka istilah yang lebih sesuai ialah “pembunuhan diri bahasa”. Hal ini lebih kerap berlaku jika melibatkan bahasa Inggeris sebagai matlamat yang diingini – inilah yang menjadi alasan kenapa bahasa Inggeris dikatakan sebagai “bahasa pembunuh” itu sebenarnya ialah satu kesimpulan mudah bagi situasi yang begitu kompleks.³⁸ Kesan bahasa yang dominan menunjukkan perbezaan ketara di rantau lain, begitu juga sikap terhadapnya. Di Australia, kewujudan bahasa Inggeris telah secara langsung atau tidak langsung, menyebabkan kemusnahan bahasa secara besar-besaran, dengan 90% bahasa dalam keadaan nazak. Namun, bahasa Inggeris bukanlah bahasa yang dominan di seluruh Amerika Latin. Jika ada bahasa yang hampir mati di sana, langsung tidak kena-mengena dengan bahasa Inggeris. Tambahan pula, dengan terdapatnya bahasa yang dominan tidak semestinya secara automatik menyebabkan terjadinya kadar kepupusan sebanyak 90%. Bahasa Rusia sudah lama menjadi bahasa yang dominan dalam negeri di bawah USSR, tetapi di sana pemusnahan bahasa tempatan dianggarkan hanya (*sic*) 50%.³⁹

Satu lagi aspek kekompleksan ini, ialah cara bagaimana bahasa yang

kian pupus itu sebenarnya dibantu dikekalkan oleh kewujudan bahasa yang dominan dalam sesuatu kawasan, iaitu ia memaksa penutur untuk berhadapan dengan keadaan yang mereka hadapi, dan ini akan mewujudkan sokongan yang lebih bagi perancangan semula bahasa dan bukan sebaliknya. Suatu kes klasik ialah sokongan yang kuat yang diberikan kepada bahasa Welsh, yang mendorong kepada pembentukan Persatuan Bahasa Welsh (*Cymdeithas yr Iaith Gymraeg*) pada tahun 1962, dan beberapa langkah yang diambil oleh aktivis. Yang paling terkenal berlaku pada tahun 1980, apabila Gwynfor Evans melancarkan mogok lapar hingga mati. Dengan ini, pemimpin parti kebangsaan Welsh, *Plaid Cymru*, telah memaksa kerajaan untuk menunaikan janji yang dibuat semasa pilihan raya untuk mewujudkan saluran televisyen dalam bahasa Welsh.⁴⁰ Sementara di Amerika Selatan, perayaan ulang tahun ke-500 untuk memperingati kedatangan orang Sepanyol telah membawa kepada pelbagai kegiatan sebagai menyokong hak kaum asli.⁴¹

Apabila sesuatu bahasa lain dianggap sebagai baik dan berguna, tidak hairanlah mengapa orang mahu mempelajarinya; dan jika ia membantu mereka dalam meneruskan kehidupan, semestinya satu perkara yang baik. Hujahnya bukanlah masyarakat tidak harus mempelajari bahasa metropolitan. Hujahnya ialah tidak perlunya ada pertentangan antara bahasa baru dengan bahasa lama. Rasa bangga yang dirasakan oleh sesiapa apabila mereka berjaya mempelajari bahasa baru seharusnya tidak menjadikan mereka berasa kurang bangga dengan bahasa yang mereka ada. Sekiranya etos kedwibahasaan dimanifestasikan dalam komuniti metropolitan, maka berkuranganlah bahasa penutur peribumi yang ditinggalkan secara rela, dan istilah ancaman bahasa tidak akan berleluasa seperti yang berlaku sekarang.⁴²

KESIMPULAN

Banyak faktor yang menyumbang kepada fenomena kematian bahasa, maka cara mengesan punca kematiannya selalunya kompleks. Ahli sosiolinguistik telah mencuba mengenal pasti satu faktor utama untuk menjelaskan sebab-sebab mengapa orang beralih daripada satu bahasa kepada yang lain, tetapi semua langkah tersebut telah menimbulkan kontroversi. Misalnya, satu sebab yang dikenal pasti adalah perlunya seseorang mempelajari bahasa yang dominan demi menjamin mereka mendapat pekerjaan yang baik (atau untuk memastikan anak mereka mendapat pekerjaan yang baik); suatu hipotesis yang munasabah dalam kebanyakan hal (ia memang menjelaskan keadaan yang digambarkan oleh anekdot Johannesburg), tetapi ia mungkin tidak relevan dalam kes yang lain, kerana jenis sistem pendidikan, kewujudan media, dan jenis tekanan politik mungkin menjadi pertimbangan yang

lebih penting. Dalam hal ini, bahasa bukan seperti manusia: oleh itu, agak sukar untuk memberikan satu sebab sahaja sebagai punca kematian bahasa.

Disebabkan adanya beberapa faktor yang terlibat, bahasa biasanya tidak mati dengan cara yang sama. Sesuatu bahasa mungkin hampir hilang di suatu tempat tetapi belum (lagi) di tempat yang lain atas sebab yang berbeza-beza. Sesetengah negara telah mewujudkan tempat untuk pemuliharaan budaya, seperti tanah rizab atau kawasan yang dilindungi, iaitu tempat di mana bahasa dapat berkembang dengan sihat, sedangkan bahasa itu mati dengan cepatnya di tempat lain. Kadangkala variasi dari segi ketahanan terjadi melalui kepelbagaian sejarah petempatan semula jadi: di Columbia misalnya, penduduk kawasan pergunungan memelihara bahasa mereka dengan lebih baik berbanding dengan penduduk kawasan tanah pamah dan hutan hujan; di Ireland, kawasan pantai barat yang dikenali sebagai Gaeltacht mempunyai lebih ramai penduduk yang berbahasa Irish jika dibandingkan dengan tempat lain.⁴³ Tanpa mengira faktor bencana, kematian bahasa merupakan proses yang terjadi secara perlahan-lahan dan melalui pelbagai proses. Selalunya cenderung melibatkan anggota atau kelompok masyarakat yang berlainan dengan cara yang berbeza-beza. Inilah salah satu punca mengapa masyarakat biasanya tidak menyedari akan bahaya yang dihadapi oleh bahasanya sehinggalah begitu terlewat.

Sesetengah faktor penyebab dan peranan yang telah kita ulas di atas adalah muktamad. Oleh itu tiada gunanya kita menongkah arus. Tetapi dengan adanya pelbagai faktor budaya, ada beberapa kemungkinan yang boleh berlaku, bergantung pada keadaan sejarah dan suasana sesebuah negara, dasar bahasanya (jika ada), dan sejauh mana strategi perancangannya disalurkan dan dilaksanakan. Pertumbuhan penduduk yang ketara dalam kalangan komuniti kaum asli boleh menyebabkan lebih ramai orang menggunakan sesuatu bahasa itu (namun begitu, faktor ini menjadi sia-sia jika ibu bapa bersikap menentang). Akan tercapai hasil yang lebih positif jika sesuatu masyarakat mempunyai identiti budaya dan agama yang kuat, mengamalkan perkahwinan sesama kaum, atau menghidupkan tradisi kraf tangan dan kesusasteraan. Keupayaan sesuatu masyarakat untuk menjadikan kehadirannya dihargai dalam media tempatan adalah penting – misalnya, ia merupakan faktor utama dalam langkah pembalikan bahasa Welsh yang merosot. Kemasukan orang luar boleh membantu atau menjadi penghalang, bergantung pada setakat mana kewujudan mereka dianggap sebagai ancaman (dari segi agama, budaya dan politik). Keterasingan sesuatu komuniti itu daripada kumpulan lain merupakan isu yang kritikal. Malahan, sesetengah orang berkata, bahawa satu-satunya cara bagi sesuatu bahasa yang kecil bilang-

an penuturnya untuk terus hidup adalah dengan cara membiarkan penuturnya terus hidup terpencil – pilihan yang jarang-jarang ada sekarang ini.

Kuasa yang menyebabkan kematian bahasa banyak sekali, sehinggakan sukar untuk membayangkan cara bagaimana bahasa-bahasa ini boleh dikembalikan. Kemungkinan dalam beberapa ratus tahun akan terdapat hanya satu bahasa untuk satu negara, dan kemudiannya satu bahasa untuk seluruh dunia, sebagaimana yang ditegaskan oleh para sarjana, adalah benar.⁴⁴ Kemungkinan akan adanya sedikit pembaharuan dalam khazanah bahasa, semestinya melalui perkembangan bahasa baru. Beberapa jenis bahasa Inggeris baru, mungkin lama-kelamaan menjadi cukup berbeza dan wajar untuk dianggap sebagai bahasa yang tersendiri (bahasa Scot, bahasa Ebonics, bahasa Inggeris Orang Asli Australia, *Singlish*, dan sebagainya). Kuasa yang sekarang menjadikan bahasa Serbia, Croatia, dan Bosnia semakin berbeza antara satu sama lain, walaupun masih lama lagi akan suatu hari nanti, menghasilkan tiga bahasa yang saling tidak dapat difahami. Bahasa pijin dan kreol baru juga akan sentiasa muncul. Tetapi contoh yang berkaitan tidak banyak. Seperti yang dikatakan oleh Michael Krauss: 'Kita tidak boleh mengharapkan pempelbagaian semula untuk menggantikan sebarang kehilangan yang nyata.'⁴⁵ Di samping itu tambahnya lagi: "Walau bagaimanapun, kadar kehilangan itu dapat dipengaruhi oleh tindak balas kita terhadap ancaman tersebut. Beza antara senario yang terbaik, katalah kehilangan separuh bahasa dunia dan yang paling teruk, katalah kehilangan 95% daripada bahasa-bahasa dunia, adalah masih sangat besar.' Sememangnya besar. Hanya dengan meningkatnya kesedaran sahajalah tindak balas terhadap ancaman boleh berlaku, dan ini akan menggalakkan pelbagai langkah diambil ke arah kegiatan pengekalan bahasa.

NOTA

- 1 Inilah jumlah keseluruhan butiran bertanda asterik di rantau ini seperti yang disenaraikan dalam Voegelin dan Voegelin (1977).
- 2 Krauss (1988:105).
- 3 Inilah tema utama Dixon (1977).
- 4 Rodrigues (1993). Untuk bukti lain bagi resensi anjakan bahasa, terutamanya komuniti, lihat England (1998: 105).
- 5 Dorian (1981: 69).
- 6 Untuk keterangan sejarah tentang pelbagai faktor yang menyumbang terhadap kemerosotan bahasa Irish pada kurun ke-19 belas, lihat Edwards (1985: 53 ff.).
- 7 Lihat McNeill (1976), Stearn dan Stearn (1945), Duffy (1953), Peat (1995: Bab 5). Berapa tempat lain di dunia mempunyai sejarah yang sama: berlaku wabak cacar di Afrika Selatan pada tahun 1713,1735 dan 1767 (orang Belanda mendarat di Tanjung

- Harapan pada tahun 1652). Lihat juga Kinkade (1991: 157).
- 8 Angka kematian daripada *The Cambridge Encyclopedia*, 3rd Edition (Crystal, 1997). Anggaran bagi kawasan Amazon menunjukkan bahawa terdapat 6.8 juta orang pada abad ke-16, dan lebih kurang 700 000 pada tahun 1992: Lihat Grenand dan Grenand (1993: 94). Bilangan orang Yana di Utara California kira-kira 1960 pada tahun 1846, tetapi dalam masa 20 tahun sejak ketibaan peneroka kulit putih, jumlah mereka menurun menjadi kurang daripada 100: Lihat Johnson (1978: 362).
 - 9 Annamalai (1998: 18) *latiku* 1.2 memberikan laporan tentang seorang ahli bahasa yang berminat mengkaji dua penutur terakhir bahasa Gafat, Ethiopia, yang sedang merakamkan bahasa mereka; tetapi sebaik sahaja mereka berada di luar persekitaran mereka, mereka mendapat selesema dan meninggal.
 - 10 "Aids Epidemic Update (Bangsa-Bangsa Bersatu: UNAIDS)", Disember 1998.
 - 11 *Cambridge Encyclopedia* (Crystal, 1997), kata masukan "desertification".
 - 12 Laporan oleh Linda Raben untuk Khidmat Berita Amnesti Antarabangsa, 25 Januari 1996.
 - 13 Annamalai (1998: 23). Satu lagi akibat peperangan ialah, rekod arkib boleh hilang: dalam hal Vanimo di Papua New Guinea, semua bahan bahasa vernakular yang dihasilkan oleh mubaligh bertahun-tahun lamanya telah musnah semasa pertempuran antara tentera Jepun dengan tentera Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua. Lihat Landweer (1998: 65).
 - 14 Connell (1997: 27).
 - 15 Brenzinger (1998: 91).
 - 16 Seifart (1998: 8–10).
 - 17 Misalnya, difikirkan bahawa orang Andoke berkurangan daripada kira-kira 10 000 pada tahun 1908 menjadi kira-kira 100 penutur dwibahasa pada tahun 1970-an, akibat pengabdian mereka untuk eksploitasi getah: lihat Landaburu (1979). Rencana Seifart (nota 16 di atas) sebenarnya menunjukkan sikap optimis terhadap 60 bahasa peribumi atau lebih yang dituturkan di Columbia. Organisasi kebangsaan kini mewakili kepentingan penduduk di peringkat kerajaan, dan Perlembagaan 1991 untuk kali pertamanya telah memberikan semacam suatu pengiktirafan terhadap bahasa itu, dan menjadikan bahasa itu rasmi di wilayahnya sendiri, dan menjamin adanya pendidikan dwibahasa di situ. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan mendesak untuk mengadakan analisis linguistik bagi beberapa banyak bahasa itu, dan mewujudkan bahan mengajar yang sesuai – kerja yang sedang dilaksanakan di Pusat Pengajian Bahasa Peribumi Columbia (Centro Columiano de Estudios de Lenguas Aborígenes).
 - 18 Lihat Babe (1997), dan kertas lain dalam Cliché (1997). Tanggapan "dinamisme keterlaluan" sebagai ciri zaman itu ialah titik permulaan Grenoble dan Whaley (1998a: Kata Pengantar).
 - 19 Krauss (1992: 6).
 - 20 Petikan pertama daripada Schiller (1969:113); kedua daripada Schiller (1976:1): lihat juga Babe (1997).
 - 21 Beberapa orang pengulas menarik perhatian kepada lajunya proses ini: misalnya, England (1998:102). Bagi contoh perkembangan "dialek keluarga", lihat Furbee, Stanley, dan Arkeketa (1998:77).
 - 22 Wurm (1998:193–194). Isu ini mungkin tidak berlaku terhadap penutur bahasa metropolitan. Orang yang ekabahasa tidak pernah memikirkan bahawa kedwibahasaan itu adalah satu aset, kerana menawarkan ruang lingkup mental yang lebih luas, dimensi ilmu yang

- lebih banyak, kefleksibelan pemikiran, serta dapat memahami dan mempunyai toleransi terhadap perbezaan sosial. Ia bukannya sebahagian daripada minda tegar mereka. Sebenarnya, mereka tidaklah menentang kedwibahasaan; tetapi, ini sebahagian daripada tradisi penjajahan, keekabahasaan sudah menjadi cara hidup yang lazim. Beberapa orang dalam lingkungan sosial saya yang kepada mereka telah saya perkenalkan tanggapan tentang kedwibahasaan sebagai sesuatu yang berfaedah atau sebagai suatu penyelesaian, tidak bersetuju dengan idea itu: hal ini memang tidak terlintas dalam fikiran mereka.
- 23 Hanya pada peringkat apabila orang sudah hilang rasa kejatian diri mereka terhadap asal usul etnik mereka bahawa bahasa baru itu akan dapat memberikan alternatif dan persekitaran linguistik yang selesa (pada peringkat itu asimilasi budaya sudah sempurna).
 - 24 Kepelbagaian bahasa digambarkan sebagai keadaan semula jadi manusia.
 - 25 Tetapi bukan, terutamanya Eritrea yang sama sekali tidak memberikan pengiktirafan rasmi kepada mana-mana bahasanya.
 - 26 Brenzinger (1998:89)
 - 27 Yang kurang diketahui ialah bahasa orang Asli Amerika digunakan mengikut cara ini semasa perang Dunia Pertama dan Kedua, sekurang-kurangnya 17 puak orang Asli berkhidmat sebagai 'penyampai kod' bagi tentera A.S. di Eropah dan Pasifik, termasuk sebilangan besar kaum Navajo yang bertugas sebagai tentera laut A.S dalam Perang Dunia Kedua; lihat Paul (1973), Bixler (1992). Pada tahun 1999 kempen diadakan untuk mendesak kerajaan A.S. mengiktiraf khidmat mereka.
 - 28 Kinkade (1991:157)
 - 29 Seifart (1998:9). Ambil perhatian bahawa komen dalam laporan akhbar ini tentang keadaan sesetengah orang Khoisan di Afrika Selatan (Koch dan Maslamoney, 1997): "Petani dan majikan mengancam orang yang menggunakan Khoekhoegowap[Nam] kerana, paranoid yang lazim bagi semua penindas, mereka percaya bahawa penutur sedang berkomplot untuk mengadakan penumpasan".
 - 30 Adelaar (1998:9). Sikap tidak kisah, sudah pastinya tidak akan membantu, kerana jika sesuatu tidak dilakukan untuk melawan arah aliran yang semakin merosot itu, keadaan itu pastinya akan terus merosot. Yang kurang ketara, walau ada sokongan politik terhadap bahasa yang kian pupus itu pun mungkin tidak akan mengubah sikap orang ramai, sekiranya pengalaman di situ telah memupuk pendapat dalam kalangan orang ramai bahawa kerajaan tidak boleh dipercayai atau motifnya boleh disangsikan.
 - 31 Brenzinger (1998:95).
 - 32 Fishman (1987). Mereka yang lain yang telah membicarakan bahasa yang "kehilangan" domain: lihat Bamgbose (1997). Cara bagaimana bahasa boleh hilang digambarkan untuk India oleh Annamalai (1998: nota kaki 20, 30), juga merujuk kepada taraf bahasa dapat diubah akibat sesuatu banci yang dijalankan. Identiti sesuatu bahasa akan menjadi samar-samar, sebagai realiti politik, jika penuturnya dilonggokkan bersama-sama dengan yang lain di bawah tajuk yang umum dalam sesuatu banci, atau dimasukkan sebagai suatu "ragam" bahasa yang lebih dominan.
 - 33 Adelaar (1998:6).
 - 34 Yamamoto (1998a:215).
 - 35 Ngugi wa Thiong'o (1986:11).
 - 36 Contoh Tlingit ialah daripada Dauenhauer dan Dauenhauer (1998:65). Ia juga mengandungi perbincangan yang berguna tentang faktor yang mendasari sikap negatif dalam penggunaan bahasa peribumi. Lihat juga, untuk Amerika Utara, Mithun (1998:182). Untuk Ainu, lihat Sawai (1998:183).

- 37 Harus dinyatakan bahawa sikap yang negatif mudah diperkukuh melalui rujukan bersahaja terhadap keadaan bahasa yang terancam secara berulang kali, terutamanya, apabila kenyataan itu dibuat oleh orang luar. Sukar ditanam rasa ghairah untuk mengekalkan bahasa dalam kalangan anggota masyarakat sekiranya mereka sentiasa diberitahu bahawa bahasa mereka hampir “mati”, atau sudah pun ‘mati’. Mengikut Sawai (1998:185), inilah faktor kemerosotan bahasa Ainu.
- 38 Untuk perbincangan yang wajar bagi istilah seperti “pembunuhan”, “penindasaan”, dan “pembunuhan diri” berkaitan dengan bahasa, lihat Edwards (1985:51–3). Ada kes yang istilah itu sesuai secara metafora, kesimpulannya harus diberikan perhatian: Dalam perbincangan tentang kemerosotan dan kematian bahasa elok dielakkan istilah seperti “pembunuhan” dan “pembunuhan diri” sama sekali, dan diberikan penekanan terhadap kekompleksan situasi sosial tempat berlakunya fenomena itu.
- 39 Krauss (1992:5).
- 40 Untuk ulasan sejarah, lihat Bellin (1984).
- 41 Grinevald (1998: 142).
- 42 Dalam kebanyakan negara membangun, dengan tiadanya etos ini, terdapat ironi bahawa lebih banyak bahasa yang anda tahu, lebih rendah hierarki sosial anda. Hale (195:5) antara orang yang memerhatikan hal ini, dalam kajiannya dalam kalangan kaum Ulwa di Nicaragua: Orang Twahka, di peringkat bawah golongan sosial, memerlukan pengetahuan lima bahasa untuk melalui kehidupannya.
- 43 Untuk Columbia, lihat Seifart (1998); untuk Ireland, lihat John Edwards (1985) untuk situasi yang sama dalam bahasa Gaeltacht Scotland, lihat Watson (1991: 41–59).
- 44 Untuk contoh, lihat Dixon (1997:140, 148).
- 45 Krauss (1998:106).

RUJUKAN

- Adelaar, William F.H., 1998. “The Endangered Situation of Native Languages in South America” dlm. Matsumura (ed.) hlm 1–15.
- Annamalai, E., 1998. “Language Survival in India: Challenges and Responses” dlm. Matsumura (ed.), hlm. 17–31.
- Babe, R. E., 1997. “Understanding the Cultural Ecology Model” dlm. Cliché (ed.), hlm. 1–23.
- Bellin, Wynford, 1984. “Welsh and English in Wales” dlm. Peter Trudgill (ed.), *Language in the British Isles*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 449–479.
- Brenzinger, Matthias, 1998. “Various Ways of Dying and Different Kinds of Deaths: Scholarly Approaches to Language Endangerment on the African Continent” dlm. Matsumura (ed.), hlm. 85–100.
- Connell, Bruce, 1997. *Kasabe (Luo)*. *Iatiku* 4.27.
- Dauenhauer, Nora Marks dan Richard Dauenhauer, 1998. “Technical, Emotional, and Ideological Issues in Reversing Language Shift: Examples from South-

- east Alaska" dlm. Grenoble dan Whaley (ed.), hlm. 57–98.
- Dixon, R. M. W., 1972. *The Dyribal Language of North Queensland*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dixon, R. M. W., 1991. "The Endangered Languages of Australia, Indonesia and Oceania" dlm. Robins dan Uhlenbeck (ed.), hlm. 229–255.
- Dixon, R. M. W., 1997. *The Rise and Fall of Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dixon, R. M. W., Ed., 1989. *Investigating Obsolescence: Studies in Language Contraction and Death*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dixon, R. M. W., 1993. "A Response to Ladefoged's Other View of Endangered Languages" dlm. *Language* 69 hlm. 575–9.
- Dixon, R. M. W., 1998. "Western Language Ideologies and Small-language Prospects" dlm. Grenoble dan Whaley (eds.), hlm. 3–21.
- Dorian, Nancy C., 1981. *Language Death: The Life Cycle of a Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Duffy, J., 1953. *Epidemics in Colonial America*. Baton Rouge, LA: Louisiana State University Press.
- Edwards, John, 1985. *Language, Society and Identity*. Oxford: Blackwell.
- Edwards, John, 1992. "Sociopolitical Aspects of Language Maintenance and Loss: Towards a Typology of Minority Language Situations" dlm. Willem Fase, Koen Jaspaert, dan Sjaak Kroon (ed.), *Maintenance and Loss of Minority Languages*. Amsterdam: Benjamins, hlm. 37–54.
- Edwards, V., dan T.J. Sienkewicz, 1990. *Oral Cultures Past and Present*. Oxford: Blackwell.
- England, Nora C. 1998. "Mayan Efforts Toward Language Preservation" dlm. Grenoble dan Whaley (ed.), hlm. 99–116.
- Furbee, N. Louanna, Lori A. Stanley dan Tony Arkeketta, 1998. "The Roles of Two Kinds of Expert in Language Renewal" dlm. Ostler (ed.), hlm. 75–79.
- Grenand, Pierre dan Françoise Grenand, 1993. "Amérique Equatoriale: Grande Amazonie" dlm. Serge Bahuchet (ed.), *Situation Des Populations Indigenes Des forêts Denses et Humides*. Luxemburg: Office des publications officielles des communautés européennes, hlm. 89–176.
- Grenoble, Lenore A., dan Landsay I. Whaley, eds. 1998a. *Endangered Language: Current Issues and Future Prospects*. Cambridge: Cambridge University Press. 1998b "Toward a Typology of Language Endangerment". dlm. Grenoble dan Whaley (1998a), hlm. 22–54.
- Grinevald, Colette, 1998. "Language Endangerment in South America: A Programmatic Approach" dlm. Grenoble dan Whaley (ed.), hlm. 124–159.
- Hale, Ken, 1995. "Contribution to a seminar on Endangered Languages", Dartmouth College, Hanover (New Hampshire, USA). *Iatiku* 1.5.
- Johnson, Jerald Jay, 1978. *Yana* dlm. R.F. Heizer (ed.), *Handbook of North American Indians*, Jld. VIII. Washington: Smithsonian Institution, hlm. 361–369.

- Kincade, M. Dale, 1991. "The Decline of Native Languages in Canada" dlm. Robins dan Uhlenbeck (ed.), hlm. 157–176.
- Krauss, Michael., 1992. "The World's Languages in Crisis" dlm. *Language* 68, hlm. 4–10.
- Krauss, 1998. "The Scope of the Language Endangerment Crisis and Recent Response to it" dlm. Matsumura (ed.), hlm. 108–109.
- Landaburu, Jon, 1979. *La langue des Andoke* (Amazonie colombienne), Paris: SELAF.
- Matsumura, Kazuto, ed. 1998. *Studies in Endangered Language* (Kertas kerja dalam International Symposium on Endangered Languages, Tokyo, 18–20 November 1995.) Tokyo: Hituzi Syobo.
- McNeill, W.H., 1976. *Plagues and Peoples*, Garden City, NY: Anchor Press.
- Mithun, Marianne, 1998. "The Significance of Diversity in Language Endangerment and Preservation" dlm. Grenoble dan Whaley (ed.), hlm. 163–191.
- Ngugi wa Thiong'o., 1986. *Decolonising the Mind: The Politics of Language in African Literature*, London: Currey/Portsmouth, NH: Heinemann.
- Ostler, Nicholas, 1996. Tongues Ancient and Postmodern. *Iatiku* 3. 1–2. 1997. Editorial. *Ogmios* 6. 3–5. ed. 1998. *Endanged Language: What Role for The Specialist?* (Prosiding Kedua Persidangan FEL, University of Edinburg, 25–7 September 1998.) Bath: Foundation for Endangered Language.
- Peat, F. David, 1995. *Blackfoot Physics*. London: Fourth Estate.
- Robin, R. H., dan E. M. Uhlenbeck, (editor), 1991. *Endangered Languages*. Oxford and New York: Berg.
- Rodrigues, A.D., 1993. Linguas Indigenas: 500 anos de Descobertas e Perdas, *DELTA* 9, hlm. 83–103.
- Sawai, Harumi, 1998. "The Present Situation of the Ainu Language" dlm. Matsumura (ed.), hlm. 177–189.
- Schiller, Herbert I., 1969. *Mass Communications and American Empire*. New York: Kelley.
- Schiller, Herbert I., 1976. *Communication and Cultural Domination*. New York: Sharpe.
- Seifart, Frank, 1998. "Situation of the Indigenous Languages of Colombia, Especially Chimila". *Ogmios* 9, hlm. 8–10.
- Stearn, E.W., dan A. E., Stearn, 1945. *The Effect of Smallpox on the Destiny of the Amerindian*. Boston: Humphries.
- Voegelin, C. F., dan F.M. Voegelin, 1977. *Classification and Index of the World's Languages*. New York: Elsevier.
- Watson, Seosamh, 1991. "Scottish and Irish Gaelic: the Giants' bed-fellows" dlm. Robins dan Uhlenbeck (ed.), hlm. 41–59.
- Wurm, Stephen A., 1998. "Methods of Language Maintenance and Revival, with Selected Cases of Language Endangerment in the World" dlm. Matsumura (ed.), hlm. 191–211.
- Yamamoto, Akira Y., 1998a. "Linguists and Endangered Language Communities: Issues and Approaches" dlm. Matsumura (ed.), hlm. 213–252.